

**BAB TIGA**

**PERKEMBANGAN DOKTRIN**

*NŪR MUHAMMAD*

## BAB TIGA

### PERKEMBANGAN DOKTRIN *NŪR MUHAMMAD*

#### 3.0. Pengenalan

Di dalam bab ini, penulis akan membincangkan mengenai kajian literature yang telah dibuat di sekitar negeri Kelantan. Terdapat banyak bahan-bahan rujukan yang digunakan oleh para pendokong fahaman *Nūr Muḥammad* di negeri ini. Di antaranya ada kitab-kitab yang merupakan hasil garapan dan pemikiran para ulama yang tersohor di seluruh Nusantara mahupun di negeri Kelantan sendiri. Inilah yang menjadikan kajian *Nūr Muḥammad* amat rumit untuk dilakukan kerana bimbang akan dituduh tidak menghormati dan menghargai keilmuan dan sumbangan besar ulama-ulama terdahulu.

#### 3.1 Sejarah Kemunculan Dan Perkembangan Fahaman *Nūr Muḥammad* Di Negeri Kelantan.

Sebelum dibincangkan bagaimana fahaman ini bermula di negeri Kelantan, eloklah jika ditinjau terlebih dahulu sejarah kemunculan fahaman tersebut di rantau Nusantara ini. Dipercayai bahawa sejarah kemunculan fahaman *Nūr Muḥammad* adalah seiring dengan kemasukan Islam ke rantau Nusantara. Ini adalah kerana, fahaman *Nūr Muḥammad* dikatakan berasal daripada fahaman *Syī'ah*. Manakala rantau Nusantara ini pada peringkat awalnya menerima

pengaruh *Syi'i'ah* mendahului pengaruh Sunni. Menurut Prof. A. Hasjmy ketika mengulas kitab *Iżhār al-Haq* (tanpa menyebut nama pengarang) menyatakan bahawa di dalam kitab itu ada menyebut bahawa pada tahun 800M, serombongan 100 orang kaum *Syi'i'ah* yang diketuai oleh Nakhoda Khalifah telah sampai di Nusantara. Mereka berasal daripada tentera pemberontak *'Alawiyyah* yang tertewas di tangan tentera Khalifah al-Mā'mun (813M-833M) dari Kerajaan Banī 'Abbāsiyyah. Dengan perintah daripada al-Mā'mun, mereka telah membentuk rombongan dakwah dan berjaya sampai ke alam Melayu. Kemudian rombongan ini berjaya mengislamkan seluruh penduduk Perlak dan mendirikan kerajaan *Syi'i'ah* Perlak dalam tahun 840M.<sup>196</sup>

Orang yang bertanggungjawab membawa aliran Sunni ke Kepulauan Melayu ialah Syeikh Ismā'il al-Ṣiddiq. Beliau diutus khas dari Mekah ke Pasai oleh *Syarif* Mekah yang memerintah di bawah naungan kerajaan Turki 'Uthmāniyyah. Tujuan beliau dihantar ialah untuk mengislamkan raja Pasai, Malik al-Salih, seperti yang disebutkan dalam buku *Hikayat Raja-raja Pasai*, atau dengan kata lain, menukarkan mazhab *Syi'i'ah* yang selama ini dianuti oleh raja dan rakyat Pasai kepada aliran Sunni (mazhab *Syāfi'i*).<sup>197</sup>

Penemuan kitab *Baḥr al-Lāhūt* karangan Abdullah 'Arif oleh Syed Muhammad Naquib al-Attas mendapati bahawa kitab *Baḥr al-Lāhūt* telah

<sup>196</sup> A. Hasjmy (1981), *Sejarah Masuk Dan Berkembangnya Islam di Indonesia*, Aceh: Pust. al-Ma'rif, h. 146-148.

<sup>197</sup> Mahyuddin Haji Yahya (1998), *Islam di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 20.

mendahului kitab *Aqā'id al-Nasafi* dari segi kemunculannya di Nusantara. Ini berdasarkan kajian terperinci tentang pengaruh ajaran yang dibawa oleh kedua-dua pengarangnya. Melalui kajian ini juga didapati bahawa kitab *Aqā'id* karangan al-Nasafi adalah mewakili ajaran Sunnī sementara kitab *Baḥr al-Lāhūt* mewakili ajaran *Syī'ah*. Menurut data-data sejarah yang diperolehi menunjukkan bahawa pengaruh ajaran *Syī'ah* adalah mendahului pengaruh ajaran Sunnī di rantau ini. Pada suatu ketika ia telah menjadi ajaran formal bagi negara Muslim di Sumatera utara sebelum tibanya pengaruh ajaran Sunnī dan mazhab Syāfi'i.<sup>198</sup>

Syeikh Abdullah 'Arif mula mengembara pada tahun 1117. Pada masa itu, doktrin "ḥulūl" dan "ittihād" yang dikatakan dibawa oleh al-Hallāj (922M) dan al-Bisṭāmī (874M) telah berkembang di Asia Barat.<sup>199</sup> Di antara isi kandungan kitab *Baḥr al-Lāhūt* yang membicarakan *Nūr Muḥammad* ialah:

"Zat Allah Qadīm. Zat Allah diibaratkan seperti cermin yang jernih (bersih). Gambar di dalam cermin adalah hakikat roh yang dinamakan "Rūh Idāfi" iaitu roh Nabi Muhammad S.A.W. Daripada Rūh Idāfi itulah terjadinya "Nūr Muḥammad". *Nūr Muḥammad* berjalan selama 5000 tahun. Dalam tempoh tersebut, Nūr itu sujud kepada Allah selama lima kali. Mengambil iktibar itulah umat Nabi Muhammad S.A.W. yang mukallaf, baligh dan 'aqil (berakal) difardukan solat lima waktu sehari semalam. Daripada Rūh Idāfi (roh Nabi atau *Nūr Muḥammad*) tercipta pula makhluk-makhluk lain seperti kursi, bumi, langit, syaitan, jin dalam martabat (kesatuan)."<sup>200</sup>

<sup>198</sup> *Ibid.* h. 44-45.

<sup>199</sup> *Ibid.* h. 46.

<sup>200</sup> Selanjutnya sila lihat Mahyuddin Haji Yahya (1998), *op.cit.* h. 49-50.

Selain daripada itu juga, di Nusantara, doktrin *Nūr Muḥammad* yang diterima telah diolah dan diadun bersama dengan doktrin Martabat Tujuh. Ajaran ini dikatakan dibawa oleh Syeikh Muḥammad bin Faḍl Allāh al-Burhanpūri (M.1620M)<sup>201</sup>

Perkembangan fahaman *Nūr Muḥammad* di negeri Kelantan adalah melalui pengajian-pengajian agama di pondok-pondok melalui kitab-kitab Melayu-Jawi yang kebanyakannya tersebar luas di seluruh Kepulauan Melayu termasuklah di negeri ini. Ini dapat dibuktikan dengan terdapatnya kitab-kitab yang membicarakan persoalan tersebut seperti kitab *Daqā'iq al-Akhbār fi Dhikr al-Jannah wa al-Nār*, *Siyār al-Sālikin*, *al-Durr al-Nafīs* dan beberapa kitab yang lain lagi.

### 3.2. HUBUNGAN ANTARA SYI'AH DENGAN TASAWUF

Mengenal pasti sejarah perhubungan antara golongan Syi'ah dengan tasawuf Islam adalah antara cara yang paling baik di dalam mencari kebenaran berkenaan sejarah kemunculan doktrin *Nūr Muḥammad* itu sendiri. Ini kerana *Nūr Muḥammad* itu sering dikaitkan dengan kepercayaan orang-orang Syi'ah khususnya yang berkaitan dengan Sayyidina Ali dan konsep al-Imāmah.

Wujudnya banyak persamaan dari segi konsep pegangan antara golongan Syi'ah dengan golongan tasawuf sehingga boleh dijadikan hujah bahawa beberapa

---

<sup>201</sup> H.O.K Rahmat, *op.cit.* h.117-122.

dasar utama dalam tasawuf sebenarnya diambil atau berpunca daripada dasar Syi'ah. Antara persamaannya ialah :

a) **Kaedah Penafsiran Al-Qur'an Secara Takwilan.**

Kedua-dua golongan ini berpendapat bahawa setiap ayat al-Qur'an itu mengandungi empat pengertian iaitu zahir, batin, ḥad (hukum hakam) dan muṭṭala' ( suruhan dan perintah Allah terhadap hambanya ).<sup>202</sup> Di antara kitab-kitab tafsir yang menggunakan kaedah ini di kalangan Syi'ah ialah *Mir'āt al-Anwār wa Misykāt al-Asrār* oleh Maula 'Abd al-Laṭīf al-Kāzirānī,<sup>203</sup> *Tafsīr al-Ḥasan al-‘Askari*,<sup>204</sup> *Tafsīr al-Qur'ān al-Karīm* oleh Sahl bin 'Abd Allah al-Tustari, kitab *Haqāiq al-Tafsīr* oleh Abu 'Abd al-Rahmān Muḥammad bin al-Ḥusin bin Müsa al-Azdī al-Silmī<sup>205</sup> dan *al-Futūhāt al-Makkiyyah* karangan Ibn 'Arabi.<sup>206</sup> Manakala golongan Syi'ah adalah merupakan pelopor kepada penafsiran al-Qur'an secara takwilan ini.<sup>207</sup>

<sup>202</sup> Kāmil Muṣṭaffa al-Sayyibī (1982), *al-Ṣilah Bayn al-Taṣawwuf wa al-Tasyayyu'*, j. 1, Beirut : Dār Andalus, cet. 3, h. 445.

<sup>203</sup> Menurut Muḥammad Husin al-Dhababī, tafsir ini dianggap sebagai rujukan utama bagi golongan Syi'ah al-Ithnā 'Asyriyyah. Lihat Muḥammad Husin al-Dhababī (1976), *op.cit.*, j.2, h. 46.

<sup>204</sup> Penulis tafsir ini ialah Abū Muḥammad al-Ḥasan bin 'Alī al-Hādi bin Muḥammad al-Jawwād ibn 'Alī al-Ridhā bin Müsa al-Kāzim bin Ja'afar al-Ṣādiq bin Muḥammad al-Bāqir bin 'Alī Zain al-Ābidin ibn al-Ḥusin bin 'Alī bin Abī Tālib, Imam ke sebelas bagi kalangan Syi'ah al-Ithnā 'Asyriyyah dan dikenali sebagai al-Ḥasan al-‘Askari. *Ibid*, h. 79.

<sup>205</sup> Beliau ialah Abu 'Abd al-Rahman, Muḥammad bin al-Ḥusin bin Müsa al-Azdī al-Silmī dilahirkan pada tahun 330 H. Seorang syeikh ūfi lagi 'alim dalam ilmu hadith di Khurasan yang mengikuti perjalanan salaf al-solih. *Ibid*, h. 384.

<sup>206</sup> *Ibid*, h. 379

<sup>207</sup> Kāmil Muṣṭaffa al-Sayyibī (1982), *op.cit.*, h. 444.

**b) Konsep Salasilah.**

Tentang konsep salasilah ini, boleh dikatakan telah menjadi sifat bagi tasawwuf tarekat untuk menghubungkan syeikh-syeikhnya dengan ‘Alī bin Abī Tālib, Imām pertama bagi golongan Syī‘ah.<sup>208</sup> Tujuan utama perlunya salasilah ini ialah bagi menguatkan hujah serta pegangan murid terhadap mana-mana tarekat tasawuf yang diajarkan oleh guru atau syeikh, bahawa ajaran itu datangnya dari ‘Alī bin Abī Tālib, dipelajari dari Nabi Muhammad S.A.W. Ada juga salasilah yang berakhir dengan Nabi Adam a.s., melalui 6000 orang syeikh.<sup>209</sup>

**c) Rijāl al-Ghayb.**

Kepercayaan ini lahir setelah golongan Syī‘ah gagal merebut kekuasaan daripada Kerajaan Bani Umayyah, lalu mereka pun membentuk kerajaan batin sementara menunggu kedatangan Imām al-Mahdi. Sebagai sebuah kerajaan yang halus, ia juga mempunyai heirarki kepimpinannya menurut susunan tertentu, seperti terdapatnya orang-orang yang disebut sebagai *Qutb*, *Ghawth*, *Abdāl*, *Awtād*, *Nujabā'* dan sebagainya. Kepercayaan yang menjadi pegangan pendokong tasawuf ini juga bertolak daripada fahaman Syī‘ah tentang Imām yang ghayb.<sup>210</sup>

---

<sup>208</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 89. :

<sup>209</sup> Kāmil Muṣṭaffā al-Syaybī (1982), *op.cit*, h. 467.

<sup>210</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op. cit*, h. 89.

Tālib, Imām pertama bagi golongan Syī‘ah.<sup>208</sup> Tujuan utama perlunya salasilah ini ialah bagi menguatkan hujah serta pegangan murid terhadap mana-mana tarekat tasawuf yang diajarkan oleh guru atau syeikh, bahawa ajaran itu datangnya dari ‘Alī bin Abī Tālib, dipelajari dari Nabi Muhammad S.A.W. Ada juga salasilah yang berakhir dengan Nabi Adam a.s., melalui 6000 orang syeikh.<sup>209</sup>

c) **Rijāl al-Ghayb.**

Kepercayaan ini lahir setelah golongan Syī‘ah gagal merebut kekuasaan daripada Kerajaan Bani Umayyah, lalu mereka pun membentuk kerajaan batin sementara menunggu kedatangan Imām al-Mahdī. Sebagai sebuah kerajaan yang halus, ia juga mempunyai heirarki kepimpinannya menurut susunan tertentu, seperti terdapatnya orang-orang yang disebut sebagai *Qutb*, *Ghawth*, *Abdāl*, *Awtād*, *Nujabā'* dan sebagainya. Kepercayaan yang menjadi pegangan pendokong tasawuf ini juga bertolak daripada fahaman Syī‘ah tentang Imām yang ghayb.<sup>210</sup>

d) **Imām Ma'sūm dan Wali Keramat**

Dalam hal ini, boleh dikatakan, kalau fahaman Syī‘ah mempercayai konsep *imām ma'sūm*, maka di kalangan golongan tasawuf pula, mereka percaya kepada konsep wali keramat (*karāmah*). Bagi golongan tasawuf, mereka

<sup>208</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *Pemikiran Umat Islam Di Nusantara*, Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 89.

<sup>209</sup> Kāmil Muṣṭafā al-Syaybī (1982), *op.cit*, h. 467.

<sup>210</sup> Abdul Rahman Haji Abdullah (1990), *op. cit.*, h. 89.

menganggap bahawa kewalian itu adalah satu jenis daripada kepimpinan (*imāmah*) kerana ia adalah mewarisi daripada kenabian itu sendiri.<sup>211</sup> Sungguh pun keistimewaan yang dimiliki oleh imām itu agak keterlaluan seperti menganggapnya tidak mungkin melakukan dosa, begitulah juga keistimewaan yang dikatakan dimiliki oleh seseorang wali di dalam tasawuf.

e) *Haqīqah Muḥammad* (*al-Haqīqah al-Muḥammadiyyah*).

Menurut H.A.R. Gibb & J.H. Kramers, doktrin *Nūr Muḥammad* ini asalnya dibawa oleh golongan Syī'ah, kemudian pada abad ke-3 H barulah dipopularkan oleh golongan ḫūfi.<sup>212</sup> Manakala syair-syair sufi berkaitan dengan ḥaqīqah Muḥammad pula lahir selepas abad ke-7 H.<sup>213</sup> Menurut Ibrāhīm al-Dasūqī, *Nūr Muḥammad* atau *Haqīqah Muḥammad* itu berpindah-pindah dari Nabi Adam (sebelumnya *Nūr Muḥammad* itu berada pada zat Allah) kepada anaknya Syisy, kepada Nabi Idrīs, berterusan kepada nabi-nabi sehinggalah kepada Nabi Muhammad S.A.W. Apabila Nabi Muhammad wafat, *Nūr* itu berpindah pula kepada Sayyidina ‘Alī k.w., kemudian kepada anaknya Ḥasan dan berterusanlah *Nūr Muḥammad* itu berpindah daripada Quṭb kepada Quṭb sehinggalah kepada Ibrāhīm al-Dasūqī. Orang-orang yang mendapat titisan *Nūr* ini adalah terdiri daripada nabi-nabi. Oleh kerana risalah kenabian telahpun berakhir, maka mereka yang mendapat *Nūr* ini digelar sebagai Quṭb.<sup>214</sup>

<sup>211</sup> Kāmil Muṣṭaffa al-Sayyibī (1982), h. 409

<sup>212</sup> H.A.R. Gibb dan J.H.Kramers (1974), *op. cit.*, h. 452.

<sup>213</sup> ‘Alī Ṣāfi’ Hussain (1964), *al-Adab al-Ṣūfi fī Miṣr*, Kaherah : Dār al-Ma‘ārif, h. 230.

<sup>214</sup> *Ibid*, h. 135-136.

### **3.3. *Nūr Muḥammad* Di Dalam Kitab-Kitab Yang Terdapat Di Negeri**

#### **Kelantan**

Dalam bab ini penulis akan mengemukakan beberapa pandangan melalui kajian buku-buku yang terdapat di negeri Kelantan yang menyentuh sama ada secara khusus mahu pun secara tidak langsung tentang *Nūr Muḥammad*. Buku-buku tersebut ada yang menyokong dan tidak kurang pula yang menentang. Hipotesis awal yang penulis dapati ialah kebanyakan tulisan yang menyokong ialah terdiri daripada ulama-ulama tradisional (pondok), manakala tulisan yang menentang pula terdiri daripada ulama-ulama moden yang mendapat pendidikan di universiti-universiti sama ada dalam ataupun luar negara. Penulis berpendapat bahawa sistem pendidikan yang dipelajari seseorang itu adalah sebagai satu faktor menentukan penerimaan ataupun penolakan terhadap doktrin *Nūr Muḥammad*.

Walau bagaimanapun kitab-kitab tasawuf terutamanya yang berhubung dengan Martabat Tujuh dan *Nūr Muḥammad* kurang diajar di pondok-pondok kerana faktor para pelajarnya sendiri. Menurut pendapat seorang guru pondok yang ditemui penulis, pelajar pondok sekarang tidak seperti dahulu. Di suatu waktu dahulu, mereka yang belajar di pondok adalah dalam jangka waktu yang lama. Namun kini, pelajar pondok kebanyakannya mendiami dan menuntut di pondok dalam tempoh yang singkat. Justeru itu, mereka tidak mampu memahami pengajaran kitab-kitab tasawuf berkenaan *Nūr Muḥammad*. Menurut beliau lagi, seseorang pelajar pondok itu perlu sekurang-kurang belajar di pondok selama empat tahun bagi membolehkan beliau memahami bahasa Arab dan mempelajari

kitab-kitab berkenaan. Atas sebab berkenaanlah kitab-kitab berkaitan *Nur Muhammad* kurang diajar.<sup>215</sup>

### **3.3.1. Kitab-Kitab Yang Menyokong Fahaman *Nur Muhammad* .**

Terdapat beberapa buah kitab yang dikatakan membawa fahaman ini khususnya yang terdapat di negeri Kelantan. Ada yang menyebutnya secara sepantas lalu sahaja dan ada juga yang membentangkan secara agak terperinci dengan mengemukakan dalil-dalil dari al-Qur'an dan al-Sunnah. Sebagai bahan sampel kajian, penulis mengemukakan beberapa buah kitab sahaja dalam kajian ini.

#### **i. Inilah Hikayat *Nur Muhammad* Dan Nabi Bercukur Dan Nabi Wafat Adanya.<sup>216</sup>**

Kitab yang setebal 44 halaman ini mengandungi empat tajuk sahaja, iaitu ;

- a- Hikayat *Nur Muhammad* .
- b- Hikayat Peri Menyatakan Mukjizat Nabi Adanya.
- c- Hikayat Peri Menyatakan Nabi Bercukur.
- d- Hikayat Peri Menyatakan Nabi Wafat.

---

<sup>215</sup> Temuramah dengan Ustaz Salleh bin Ismail pada 10 Mac 2002, di rumah beliau, Pondok Pasir Tumbuh. Berusia 62 tahun dan telah mengajar di Pondok berkenaan selama 20 tahun. Sekarang beliau kurang aktif mengajar kerana uzur.

<sup>216</sup> *Inilah Hikayat Nur Muhammad* (t.t.), (t.p.), Pulau Pinang: Dār al-Ma'ārif, h. 2-9.

Dalam tajuk pertama, diceritakan secara detail bermula muka surat 2 hingga mukasurat 9, bagaimana keadaan alam ini sebelum Allah menciptakan sesuatu. Menurutnya, ketika itu, alam, arasy, kursi, langit, bumi dan sebagainya belum diciptakan lagi sehingga Allah menciptakan *Nūr Muḥammad* sebagai pencetus kepada terjadinya benda-benda yang lain. Dari *Nūr Muḥammad* inilah terjadinya semua makhluk di langit dan bumi.<sup>217</sup>

ii. *Kitab Daqā'iq Al-Akhbār Fi Dhikr Al-Jannah Wa Al-Nār*.<sup>218</sup>

Kitab ini asalnya dalam bahasa Arab ditulis oleh Abd al-Rahīm bin Aḥmad al-Qāḍī (*al-Imām*), kemudian diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu oleh Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga, dicetak buat pertama kalinya oleh Percetakan *al-Miriyah al-Kā'inah*, Mekah, pada akhir *Jumād al-Thānī*, 1312H, atas *zimmah* Syeikh Ismail Aceh<sup>219</sup>, mengandungi lima puluh dua halaman dan 46 bab kesemuanya. *Nūr Muḥammad* disebut dalam bab pertama di bawah tajuk “Pada menyatakan kejadian *rūḥ al-a'ẓam* yaitu *Nūr Sayyidina Muhammad S.A.W.*.”<sup>220</sup>

<sup>217</sup> Sila lihat lampiran A.

<sup>218</sup> Syeikh Ahmad bin Muhammad Yunus Lingga (t.t.), *Daqā'iq al-Akhbār fi Dhikr al-Jannah wa al-Nār*, Pulau Pinang: Dār al-Maarif, h. 2-4.

<sup>219</sup> Hj Wan Mohd Shaghir Abdullah (1999), *Penutup Perdebatan Islam Alaf Kedua Di Alam Melayu*, Kuala Lumpur: Khazanah Fataniyyah, 1420H / 1999M, h. 61.

<sup>220</sup> Sila lihat lampiran B.

Tinjauan penulis di Pondok Pasir Tumboh, Kota Bharu mendapat kitab ini telah tidak diajar di pondok berkenaan. Mungkin disebabkan oleh kekurangan tenaga pengajar. Meskipun begitu penulis tidak menolak kemungkinan kitab ini masih diajar di pondok-pondok lain. Ini adalah kerana, kitab ini ada dijual di sebuah kedai buku yang menjadi tumpuan ramai di Bandar Kota Bharu.

### iii. *Siyār al- Sālikīn*

Sebuah kitab tasawuf karya Syeikh Abdul Samad al-Falembani, yang diterjemahkan dari kitab *Iḥyā' 'Ulūm al-Dīn*. Ia merupakan “lubāb” atau intipati penting yang terdapat dalam kitab *Iḥyā'* tersebut.

Walau bagaimanapun, pada perhatian penulis, persoalan mengenai Martabat Tujuh dan *Nūr Muḥammad* tidak dibincangkan oleh Imām Ghazālī dalam kitab *Iḥyā'* nya. Ini bererti perbincangan mengenai Martabat Tujuh dan *Nūr Muḥammad* merupakan tambahan daripada Syeikh Abdul Samad sendiri. Persoalan *Nūr Muḥammad* dibincangkan dalam halaman-halaman 103 –106 yang dimulai dengan ilmu Martabat Tujuh yang di dalamnya terdapat fahaman *Nūr Muḥammad* sebagaimana yang telah disebutkan dalam bab dua terdahulu.<sup>221</sup> Pada perhatian penulis, kitab ini masih dijadikan teks pengajian agama di pondok-pondok negeri Kelantan sehingga sekarang. Ini terbukti apabila penulis sendiri ingin meminjam kitab tersebut daripada seorang pelajar pondok, beliau keberatan memberikannya kerana kitab berkenaan sedang dipelajarinya.

<sup>221</sup> Al-Falembani, *op. cit.*, h. 103 –106.

iv. *Al-Durr al-Nafis*.<sup>222</sup>

Kitab berbahasa Melayu jawi ini ditulis oleh Syeikh Muhammad Nafis bin Idris al-Banjari dan diajarkan di pondok-pondok oleh tuan guru-tuan guru Melayu semenjak seratus tahun lalu. Ini berdasarkan kepada tarikh kitab tersebut yang dicetak pada tahun 1323H sebagaimana yang ada di tangan penulis. Walau bagaimanapun, ia tidak dapat dipastikan cetakan kali yang ke berapa kerana tidak dinyatakan dalam kitab tersebut sebagaimana kebanyakan buku-buku yang dicetak sekarang. Kitab ini masih diajar di pondok-pondok sehingga sekarang.

Bagi ahli tasawuf, khususnya di alam Melayu, kitab ini amat berharga sekali kerana ia memuatkan persoalan tentang ketuhanan dengan begitu mendalam dan tinggi. Calang-calang orang yang dapat memahaminya.<sup>223</sup>

Dalam pemerhatian penulis, kitab yang setebal 52 halaman ini membicarakan persoalan-persoalan *Af'āl, Asmā'*, sifat dan zat Allah dalam bentuk keesaan yang mutlak (*Wahdah al-Wujūd*). Kitab ini memetik perkataan-perkataan daripada syeikh-syeikh tasawuf seperti Ibn 'Arabi, Ḥallāj, al-Jīlī, 'Abd al-Qādir al-Jilānī, Ibn 'Atā' Allāh dan ramai lagi tokoh-tokoh ulama tasawuf sealiran dengan pengarang kitab tersebut. Selain itu ayat-ayat al-Qur'an dan al-hadith nabi juga adalah antara rujukan utama karya tersebut.

---

<sup>222</sup> Sila lihat lampiran C.

<sup>223</sup> Temuramah dengan Ustaz Salleh bin Ismail, sila lihat nota kaki 215, h. 108.

Persoalan *Nūr Muhammad* mula dibicarakan secara khusus semasa penulis menyebut tentang Martabat Tujuh pada halaman 28-32, iaitu di dalam martabat kedua ataupun martabat "Wahdah".<sup>224</sup> Dari sinilah lahirnya doktrin *Nūr Muhammad* dengan berdalikan hadith-hadith nabi yang berbunyi :

١. أول ما خلق الله نور نبيك يا جابر فخلق منه الأشياء ، وأنت من تلك الأشياء<sup>225</sup>
٢. أنا من الله والمؤمنون مني<sup>226</sup>
٣. يا جابر إن الله خلق قبل الأشياء نور نبيك من نوره
٤. كنت كذراً مخفياً فأحببتك أن أعرف فخلقت الخلق ليعرفوني<sup>227</sup>
٥. أنا أبو الأرواح وآدم أبو البشر

1. Pertama-tama yang dijadikan Allah ialah *Nūr* nabimu wahai Jābir. Maka dari *Nūr* itulah Allah menciptakan segala sesuatu, dan engkau adalah daripada sesuatu itu.
2. Aku yang pertama dijadikan Allah S.W.T. dan segala mukmin itu dijadikan daripada aku.
3. Wahai Jābir, sesungguhnya Allah menciptakan segala sesuatu itu daripada *Nūr* nabimu daripada *Nūr*-Nya.
4. Adalah Aku pada perbandaharaan yang tersembunyi, maka Aku kehendak dengan dia akan mengenal akan daku maka aku jadikan segala makhluk supaya kenal akan daku.
5. Aku adalah bapa segala ruh manakala Nabi Adam adalah bapa segala manusia.

<sup>224</sup> Sila rujuk perbicaraan mengenai "wahdah" di dalam desertasi ini pada halaman 65-66.

<sup>225</sup> Hadith ini bercanggah dengan hadith sahih iaitu "Awal-awal sesuatu yang dijadikan Allah ialah al-'Arasy dan al-Qalam, sebagaimana yang telah lalu perbincangannya. Lihat al-'Ajlūni (1996), *op.cit.*, cet. 6, jil. 1, h. 311.

<sup>226</sup> Ibn Ḥajar berpendapat bahawa hadith ini adalah hadith dusta yang direka. *Ibid*, h. 237. Lihat juga Muḥammad bin 'Abd Allāh bin Bahādīr al-Zarkāṣī (1996), *al-Lālī' al-Manthūrah fi al-Āḥādīth al-Masyhūrah*, Beirut: al-Maktab al-Islāmī, h. 139.

<sup>227</sup> Ibn Taimiyah, al-Zarkāṣī dan Ibn Ḥajar berpendapat hadith ini bukan dari ucapan nabi dan tidak diketahui samada sanadnya sahih atau tidak. Lihat al-'Ajlūni (1996), *op.cit.*, j.2, h.173.

Manakala ayat al-Qur'an yang dijadikan hujah ialah firman Allah S.W.T. :

ٰ قَدْ جَاءَكُم مِّنَ الَّهِ نُورٌ وَّ كِتَابٌ مُّبِينٌ  
١٥

Maksudnya : (sebagaimana dalam kitab *al-Durr al-Nafis*):<sup>228</sup>

"Telah datang akan kamu daripada Allah S.W.T. akan itu *Nur* iaitu nabi kita Muhammad S.A.W."

Surah *al-Mā'idah* (5): 15

Menurutnya lagi:

"*Nur* itu seperti yang diketahui, nama zat Allah S.W.T. Maka dinamai akan nama nabi kita Muhammad S.A.W. itu dengan dia kerana ia tiada lain daripadanya seperti *Nur* matahari maka bahawa cahaya matahari itu menunjukkan atas wujudnya tetapi ia bukan dirinya pada i'tibar surah dan tiada lain daripadanya pada i'tibar makna kerana ketiadaan cahaya matahari itu kerana ketiadaan wujud matahari maka dengan perkara ini tiada cahaya itu diri matahari dan tiada lain daripadanya dan difaham daripada sini tatakala ada ia seperti makna perkara yang akhir ini iaitu cahaya itu tiada lain daripadanya maka menamai Allah S.W.T. itu akan nabi kita Muhammad S.A.W. itu dengan hak seperti firman Jalla wa 'Ala :

قُلْ يَأَيُّهَا النَّاسُ قَدْ جَاءَكُمُ الْحَقُّ مِنْ رَبِّكُمْ

Maksudnya ( sebagaimana dalam kitab tersebut ) :

"Hai segala manusia, bahawa telah datang akan kamu *Haq* daripada tuhan kamu (dan) iaitu nabi kita Muhammad S.A.W."

Surah *Yūnus*(10): 108.

<sup>228</sup> Al-Banjari, *op. cit.*, h. 29.

v. ***Risalah Tasawuf***

Sebuah kitab hasil karya Haji Daud bin Omar al-Labdi, seorang guru Tarekat Ahmadiyah, Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan. Kitab ini sebenarnya adalah koleksi daripada 40 siri risalah tasawuf yang membincarkan hakikat ketuhanan yang berkaitan dengan *af'āl*, *asmā' sifāt* dan zat Allah S.W.T. Ia merupakan satu jalan atau *tariqah* ahli šūfi menurut pandangan Tarekat Ahmadiyah, khususnya Tarekat Ahmadiyah Bukit Abal.

Mengenai *Nūr Muḥammad*, pengarang risalah ini mula membicarakannya apabila ia menyentuh tentang Martabat Tujuh. Ini dapat dilihat pada siri 7, halaman 10 hingga 12 dan siri ke 8, halaman 1 hingga 7.<sup>229</sup> Seperti karya-karya terdahulu, penulis kitab ini juga membawa beberapa hadith tentang *Nūr Muḥammad* di samping hadith riwayat Sayyidina Jābir yang sering dibawa oleh pendokong aliran ini.

Setahu penulis, kitab ini tidak lagi diajar berikutan kematian pengarangnya. Namun kitab ini menjadi bahan rujukan penting kepada golongan tasawuf yang sealiran dengannya. Naskhah yang berada di tangan penulis diperolehi daripada seorang guru pondok.

vi. ***Kitab Berzanji (Saiyid Jaafar Al-Barzanji) 1690M – 1763M***

Sebuah karya syair Arab yang dikarang oleh Sayyid Ja'far bin Sayyid Hassan bin Sayyid 'Abd al-Karīm bin Sayyid Muḥammad al-Madani bin Sayyid

---

<sup>229</sup> Sila lihat perbicaraannya pada halaman 63-70 di dalam desrtasi ini.

Abd al-Rasūl al-Barzanjī (yang dikatakan salah seorang yang berketurunan Nabi Muhammad).<sup>230</sup> Keseluruhan bayt-bayt syair dalam kitab ini adalah berkisar pada puji-pujian kepada junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W. Bermula dengan puji-pujian kepada Allah dan kepada Nabi Muhammad yang dari *Nūrnya* kejadian alam ini dikatakan berasal, sebagaimana pada bayt yang berbunyi:<sup>231</sup>

وأصلى وأسلم على النور الموصوف بالتقدم والأولية  
المنتقل في الغرر الكريمة والجياه

Ertinya :

“Ku pohonkan semoga Allah kurniakan kesejahteraan dan rahmatNya, kepada *nūr* yang Dia telah jadikan terdahulu daripada segala makhluk yang lain. Iaitu *nūr* yang telah berpindah-pindah daripada satu dahi yang mulia keadaannya.”

Seterusnya, ia menyebut<sup>232</sup>:

ولما أراد الله تعالى إبراز حقيقته الحمدية  
واظهاره جسماً وروحاً بصورةه ومعناه

Ertinya :

“Dan apakala Allah hendak melahirkan *Haqiqah Muhammad* (ke alam nyata.) Dan menyatakan tubuh dan rohnya, dengan rupa dan sifatnya.”

Seterusnya penulis kitab itu menyebut lagi:<sup>233</sup>

نستلوك اللهم بآتوناكم القدسية  
التي أزاحت من ظلمات الشك دجاه  
ونتوسل إليك بشرف الذات الحمدية  
ومن هو آخر الأنبياء بصورته وأوسم معناه

<sup>230</sup> Hj Wan Mohd. Shaghir Abdullah (1999), *op. cit.*, h. 29.

<sup>231</sup> Haji Jamaluddin Hasyim (1984), *Barzanji Arab Melayu*, Johor: Penerbitan Jabatan Agama Johor, cet.6. h. 7.

<sup>232</sup> *Ibid*, h. 13.

<sup>233</sup> *Ibid*, h. 60.

Ertinya :

“Kami mohon kepadamu ya Allah dengan (berkat) segala *Nūr* Mu Yang Maha suci. Yang menghapuskan segala syak dan keraguan dibati. Juga kami bermohon kepadamu dengan berkat kemuliaan Zat Muhammadiyyah. Nabi yang dibangkitkan akhir sekali tetapi lebih dahulu dijadikan.”

Kitab ini merupakan kitab yang sangat terkenal di kalangan masyarakat Melayu bukan sahaja di negara ini malah di seluruh Kepulauan Melayu. Syair-syairnya didendangkan secara meluas ketika menyambut Mawlid al-Rasūl pada setiap bulan Rabi' al-Awwal. Malah sehingga sekarang, perayaan berkenaan seolah-olah tidak lengkap sekiranya tidak didendangkan dengan syair tersebut.

vii. *Al-Manhal Al-Šāfi*

Sebuah karya tasawuf yang dikatakan hasil karangan Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, selesai ditulis pada 28 Muḥarram, 1373H. Kitab ini mengandungi 53 halaman yang ditulis dalam bahasa Melayu Jawi. *Nūr Muḥammad* disebut semasa pengarang membicarakan ilmu Martabat Tujuh, iaitu yang membicarakan hak Allah S.W.T.<sup>234</sup> Perbicaraannya hampir sama dengan apa yang telah penulis dapati di dalam kitab-kitab lain yang membicarakan Martabat Tujuh.

---

<sup>234</sup> Al-Fatani (t.t.), *op.cit.*, h. 15.

### viii. *Kasyf Al-Ghaybiyyah*

Sebuah kitab karangan Syeikh Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani yang membicarakan perkara-perkara ghayb daripada beberapa hadith yang diriwayatkan. *Nūr Muḥammad* merupakan tajuk pertama yang dimuatkan dalam buku ini di bawah bab “*Pada Menyatakan Kejadian Rūh Nabi Kita Muḥammad S.A.W.*,” Di antara lain berbunyi :

“Bermula bab yang pertama pada menyatakan kejadian *Rūh al-A'zam* iaitu nur penghulu kita dan Nabi kita Muḥammad S.A.W. Sungguhnya telah datang pada khabar oleh bahawasanya Allah Ta'ala telah menjadi Dia akan satu pohon kayu baginya empat dahan, Maka menamai dia akan *Syajarah al-Muttaqqīn* dan pada setengah riwayat *Syajarah al-Yaqīn*. Kemudian telah menjadi Dia akan *Nūr Muḥammad* di dalam hijāb daripada permata yang sangat putih serupa burung merak dan dihantarkan Dia akan ia atas demikian pokok kayu itu. Maka mengucap tasbihlah oleh *nūr* itu atas pokok kayu itu kadar tujuh puluh ribu tahun kemudian menjadi akan cermin kemaluan...”<sup>235</sup>

*Nūr Muḥammad* telah digambarkan dalam rupa seekor burung merak dan diletakkan dalam *hijāb* daripada permata yang sangat putih, lantas digantung pada ‘*syajarah al-yaqīn*’ (Pokok Keyakinan / *The Tree of Assurance*)<sup>236</sup>.

### ix. *Bad'u al-Khalq al-Samāwāt Wa al-Ard.*

Kitab ini asalnya dalam bahasa Arab, telah diterjemahkan ke dalam bahasa Melayu Jawi oleh Syeikh Nuruddin bin Ali Janji bin Muhammad Hamid al-Raani (al-Raniri). Ia adalah berkenaan kisah kejadian tujuh petala langit dan

<sup>235</sup> Sila lihat lampiran E.

<sup>236</sup> Zainal Abidin bin Muhammad al-Fatani (t.t.), *Kasyf al-Ghaybiyyah*, Pulau Pinang: Dār al-Ma'ārif, h. 3.

tujuh petala bumi.<sup>237</sup> Beliau telah memulakan bab pertama dengan fasal yang menerangkan kejadian *Nur Muhammad S.A.W.* dengan mengemukakan hadith-hadith, antaranya ;

١. كنت كثراً مخفياً فأسألت أن أعرف فخلقت الخلق في عرفوني<sup>238</sup>
٢. أنا من الله والمؤمن مني<sup>239</sup>
٣. خلقت الأشياء لأجلك وخلقتك لأجلني
٤. لولاك لما خلقت الأفلاك<sup>240</sup>
٥. كنت نبياً وأدم بين الماء والطين<sup>241</sup>
٦. أول ما خلق الله تعالى العقل<sup>242</sup>
٧. أول ما خلق الله تعالى القلم<sup>243</sup>
٨. أول ما خلق الله تعالى نورى
٩. أول ما خلق الله تعالى روحى

Ertinya : (Terjemahan sebagaimana di dalam kitab).

1. Adalah Aku pada perbendaharaan yang tersembunyi, maka Aku kehendak dengan dia akan mengenal akan Daku maka aku jadikan segala makhluk supaya kenal akan Daku.
2. Aku yang pertama dijadikan Allah S.W.T. dan segala mukmin itu dijadikan daripada aku.

<sup>237</sup> Kitab yang ada pada penulis ialah *Taj al-Muluk*, yang mana pada bahagian tepinya (*Hamisy*) di muatkan kitab *Bad'u al-Khalq al-Samāwāt wa al-Ard*.

<sup>238</sup> Lihat nota kaki nombor 227.

<sup>239</sup> Lihat nota kaki nombor 226.

<sup>240</sup> Al-Šaghāñī berpendapat bahawa hadith ini adalah *Mawdū'*. Menurut al-‘Ajlūnī, maknanya *sahīh*, walaupun ianya bukan hadith. Lihat al-‘Ajlūnī (1996), *op.cit*, jil. 2, h. 214. Lihat juga Muhammad Nāṣir al-Dīn al-Albānī (2000), cet. 2, *al-Āḥādīth al-Da’ifah wa al-Mawdū’ah*, Riyād : Maktabah al-Ma’arif li al-Nasyr wa al-Tawzī’, jil. 1, h. 450-451.

<sup>241</sup> Al-‘Ajlūnī tidak bersetuju dengan lafadz ini manakala al-‘Alqāmī, di dalam kitab *Syarḥ al-Jāmī* al-Šaghīr mengatakan bahawa hadith ini adalah *sahīh*. Lihat al-‘Ajlūnī (1996), *Ibid*, h. 173. Al-Albānī pula berpendapat hadith ini adalah *mawdū'*. Lihat Muhammed Nāṣir al-Dīn al-Albānī (2000), *Ibid* h. 473.

<sup>242</sup> Al-Šaghāñī menyatakan bahawa hadith ini adalah *mawdū'* dengan persefakan para ulama. Lihat al-‘Ajlūnī, *Ibid*, jil. 1, h. 309. Lihat juga Ibn al-Jawzī (1995), *op.cit*, h. 121.

<sup>243</sup> Lihat nota kaki nombor 171.

3. Kejadian sesuatu itu keranamu (ya Muhammad) dan Aku jadikan engkau keranaKu.
4. Jikalau tiada engkau (ya Muhammad) tiada Aku jadikan tujuh petala langit dan bumi.
5. Adalah aku dijadikan Nabi dan Adam antara air dan tanah.
6. Pertama-tama dijadikan Allah S.W.T. itu ialah akal.
7. Pertama-tama dijadikan Allah S.W.T. itu ialah *Qalam*.
8. Pertama-tama dijadikan Allah S.W.T. itu ialah cahaya ku.
9. Pertama-tama dijadikan Allah S.W.T. itu ialah nyawaku.

Kemudian pengarang kitab ini meneruskan perbicaraannya tentang *Nūr Muḥammad* bahawa ia adalah daripada pancaran *Nūr Ahadiyyah*-Nya. Kemudian Allah menilik kepada *Nūr Muḥammad* itu maka malulah *Nūr Muḥammad* itu sehingga berpeluh dan bertitik peluhnya, daripada titik peluh itu jadilah nyawa segala *anbiyā'* dan nyawa segala *awliyā'* dan daripada nyawanya segala mukmin...<sup>244</sup>

Selain daripada itu terdapat beberapa buah kitab lagi yang menyebut tentang *Nūr Muḥammad* seperti kitab *Sirr al-Asrār wa Mažhar al-Anwār* oleh Syeikh Muhyi al-Dīn ‘Abd al-Qādir al-Jilani (470H-561H), *Baḥr al-Lāhūt* oleh Syeikh ‘Abd Allāh ‘Ārif, *al-Durar al-Ḥisān fī al-Ba’th wa Na’im al-Jinān* oleh al-Suyūṭī (849H-911H), *al-Muswaddah* oleh Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani, *al-*

<sup>244</sup> Syeikh Nuruddin al-Raniri (1.1), *Bad’u al-Khalq al-Samāwāt wa al-Ard* (Di dalam kitab *Tāj al-Muluk* ), Pulau Pinang: Percetakan al-Mu’ārif Sdn. Bhd., h. 12.

*Kawkab al-Durri fī al-Nūr al-Muhammadī* oleh Syeikh Muhammad bin Ismail Daud al-Fatani dan lain-lain lagi.<sup>245</sup>

### 3.4. Pendapat Ulama Tentang Doktrin *Nūr Muḥammad*

Di bawah tajuk ini, penulis akan membincangkan secara khusus pandangan-pandangan ulama semenjak dari dahulu hingga sekarang berkenaan doktrin *Nūr Muḥammad* ini. Terdapat sebilangan daripada ulama menyokong bahkan menyebarluaskan doktrin ini manakala sebahagian ulama yang lain menentangnya.

#### 3.4.2. Pandangan Ulama Yang Menyokong

Antara ulama yang menyokong dan menyebarluaskan doktrin *Nūr Muḥammad* ialah sebagaimana berikut :

##### i. Al-Ḥallāj<sup>246</sup>

Di dalam karya beliau iaitu kitab *al-Tawwāṣīn*, beliau ada mengeluarkan pendapat tentang *Nūr Muḥammad* dengan menyatakan :

“*Nūr Muḥammad* itu adalah suatu lampu daripada *Nūr* ajaib... segala *Nūr* kenabian hanya lahir daripada *Nūr*nya... wujudnya

<sup>245</sup> Haji Wan Mohd Shaghir Abdullah (1999), *op. cit.*, h. 65-80.

<sup>246</sup> Beliau ialah Husin bin Mansur al-Hallaj yang terkenal dengan konsep sufinya “*al-ḥulūl*” dan telah dihukum mati oleh pemerintah Islam Baghdad pada 922M (310H) berikutan ucapan-ucapannya yang dikatakan menyalahi Islam seperti “*Anā al-Haq*”.

mendahului “tiada” dan namanya mendahului “qalam” (alat untuk menulis di Luh Mahfuz)... segala ilmu hanya setitis daripada larutannya, segala hikmah hanya secauk daripada sungainya, dan segala zaman hanya sesaat daripada masanya”<sup>247</sup>

Daripada petikan di atas, jelas kepada kita bagaimana doktrin *Nūr Muḥammad* ini merupakan suatu perkara yang menjadi pegangan dan kepercayaan bahawa segala sesuatu di dalam alam ini adalah berpunca daripada *Nūrnya*. Tanpa *Nūrnya*, alam ini sudah pasti tidak wujud.

## ii. Ibn ‘Arabī (560H – 638H / 1164M – 1240M)<sup>248</sup>

Perbicaraan tentang *Nūr Muḥammad* dihubungkan oleh beliau dengan pencapaian manusia kepada darjat *insān kāmil* iaitu manusia yang telah mencapai tingkat tertinggi daripada sifat kemanusiaannya atau *Wahdah al-Wujūd* (kesatuan kewujudan) di antara manusia sebagai makhluk dan Hakikat Yang Esa atau *al-Haq*.

Ibn ‘Arabī menjelaskan, dari segi zat, kewujudan *Nūr Muḥammad* adalah tuhan yang disebut *al-Haq*. Namun dari segi *ṣifāt* dan *asmā’nya*, ia adalah ciptaanNya yang disebut *al-khalq*. Mengikut doktrin *Wahdah al-Wujūd*, *al-Haq* dan *al-khalq* ini adalah sama kerana keduanya *tajallī* daripada zat Allah.<sup>249</sup>

<sup>247</sup> Ḥusin bin Mansūr al-Ḥallāj (1913), *al-Tawwāsiñ*, Edisi L. Massignon, Paris, h. 9-14.

<sup>248</sup> Beliau adalah Muhy al-Dīn Abū ‘Abd Allah Muḥammad bin ‘Ali bin Muḥammad bin al-‘Arabī al-Ḥāfiẓī al-Ṭā’ī. Lahir di Murcia, Sepanyol pada 27 Ramadhan 560H / 7 Ogos 1165M dan meninggal pada 28 Rabi’ al-Thānī 638H / 16 November 1240M di Damsyiq, Syria. Lihat “Ibn al-‘Arabī” dalam The Encyclopaedia of Islam (1986), *op.cit.*, h.707-708.

<sup>249</sup> Purwa Ahmad Purwadaksi (1996), *op.cit.*, h. 74.

### iii. Syeikh Muhammad Samman<sup>250</sup>

Menurut beliau, *Nūr Muḥammad* adalah hakikat kekuatan yang menjadi salah satu daripada rahsia Allah untuk menggerakkan roh. Manusia hanya tertumpu di sekitar lingkaran kebendaan dan mengabaikan pesanan Tuhan, maka roh kehidupannya digelar “hidup yang tidak bermakna”. Dari segi hakikat, orang ini belum mencapai hakikat hidup, sebaliknya dia masih dalam “bayangan hidup”. Mereka ini disifatkan oleh Nabi Muhammad S.A.W. sebagai sedang tidur.

Manakala para ṣūfī adalah golongan yang berjaya mencapai hakikat hidup dengan cara mengembangkan peranan *Nūr Muḥammad* yang ada pada mereka. Mereka memperolehi rahmat Tuhan yang dianugerahi menerusi nama-Nya, *al-Raḥīm* iaitu rahmat yang mengandungi keredhaan Allah. Mereka mampu mengembangkan *Nūr Muḥammad* di bawah bayangan *Jamāl Allāh*, hasil daripada kesetiaan dan ketaatan kepada pesanan Tuhan. Roh mereka hidup dengan *Nūr Muḥammad* yang berkembang secara seimbang sehingga ia dipandang sebagai roh *ma'navi* (kehidupan yang mempunyai nyawa).<sup>251</sup>

<sup>250</sup> Nama asalnya Muḥammad bin ‘Abdul Karīm. Lahir pada 1718M dan meninggal pada 1775M di Madinah al-Munawwarah. Beliau dikatakan sebagai orang pertama yang membawa masuk ajaran Tarekat Sammaniyyah ke Indonesia.

<sup>251</sup> Purwa Ahmad Purwadaksi (1996), *op.cit.*, h. 74.

iv. Syeikh Abdul Samad Al-Palembani<sup>252</sup>

Di dalam ajaran Martabat Tujuh al-Palembani, *Nūr Muḥammad* dikatakan baharu, yang dianggap qadim adalah *Haqiqah Muḥammadiyyah* iaitu ilmu Allah mengenai diriNya dan alam semesta ini secara global. Tetapi *Nūr Muḥammad* itu diciptakan oleh Allah daripada *Nūr-Nya* sehingga ia diertikan sebagai makhluk suci hasil percikan daripada *Nūr* Tuhan yang azali. Manakala, roh perseorangan yang dipercikkan daripada *Nūr Muḥammad* juga adalah makhluk suci sehingga zat Tuhan Yang Maha Suci itu dapat dikenalinya secara langsung.<sup>253</sup>

v. Hamzah Fansuri

Tamadun Islam Aceh juga mempunyai seorang tokoh mistik iaitu Hamzah Fansuri yang membicarakan doktrin *Nūr Muḥammad* di dalam banyak karya beliau, misalnya *Syair Si Burung Pingai*. Petikan syairnya adalah seperti berikut ;

Unggas nuri, asalnya cahaya  
diamnya *dā'im* di *kursi* raja  
dari nurinya fakir dan kaya  
menjadi insan Tuhan dan saya  
*kuntu kanzan* asal sarangnya  
terlalu luas dengan lapangnya  
itulah *kanzan* dengan  
'*aql al-kulli* nama bulunya  
*Qalam al-a'la* nama kukunya  
*At* akan gurunya  
oleh itulah tiada jodohnya

<sup>252</sup> Beliau hidup sekitar abad ke 18M. Karya beliau yang terkenal ialah *Siyār al-Sālikīn* dan *Hidāyah al-Sālikīn*.

<sup>253</sup> M. Chatib Quzwain (1986), *Mengenal Allah, Suatu Studi Mengenal Ajaran Tasawuf Syeikh Abdul Samad al-Palembani*, Thinker's Library, h. 71.

*jalāl* dan *jamāl* nama kakinya  
*nūr al-awwal* nama jarinya  
*lawh al-mahfūz* nama hatinya  
menjadi jauhar dengan *ṣāfi*nya  
itu Ahmad awal Nabinya  
*Nūr* Allah dengan sucinya  
sekalian alam pancar dari Nurinya  
menjadi langit serta buminya  
alam *min* asal warnanya  
di sana sini *dā'im* sertanya.<sup>254</sup>

Penyair terkemuka ini menyamakan unggas (burung) Pingai dengan unggas Nuri yang dianggap berasal daripada cahaya atau *nūr*.

vi. Syeikh Muhammad Nafis Bin Idris Al-Banjari<sup>255</sup>

Beliau berpendapat, untuk sampai kepada mengenal Allah iaitu *musyāhadah* kepada Allah adalah dengan suatu cara amalan kerohanian bagi mengenal *nūr-Nya* melalui *Nūr Muhammad*. Jasad manusia disifatkan sebagai penuh dengan kegelapan (*zulmah*) yang tidak akan dapat membawa kepada *ma'rifah*.

Amalan kerohanian tersebut ialah amalan *musyāhadah Nūr Muhammad* menerusi pembacaan salawat kepada Nabi Muhammad. Amalan ini akan membawa kepada terbukanya hakikat Nabi Muhammad S.A.W. yang akan

<sup>254</sup> Doorenbos menganggap bahawa *Syair Si Burung Pingai* ini mendapat pengaruh daripada syair *Maniq al-Tair*, lihat disertasi beliau *De Geschriften van Hamzah Pansoerl* (1933), E.J.Brill, Leiden, h. 189-190.

<sup>255</sup> Beliau adalah pengarang kitab tawhid yang terkenal di Nusantara termasuk di pondok-pondok di negeri Kelantan iaitu kitab *al-Durr al-Nafis*. Beliau merupakan murid kepada Syeikh Abdul Samad al-Palembani.

membawa pula kepada *musyāhadah* kepada kewujudan Allah yang mutlak kerana Nabi S.A.W. itu daripada Zat-Nya.<sup>256</sup>

vii. **Syeikh Zainal Abidin Bin Muhammad Al-Fatani.**

Pandangan beliau tentang *Nūr Muḥammad* secara jelas terdapat di dalam kitab beliau *Kasyf al-Ghaybiyyah*. Permulaan kitab tersebut membicarakan kejadian *rūh al-A'zam* iaitu *Nūr Muḥammad* telah dirupakan dalam bentuk seekor burung merak dan dimasukkan ke dalam sangkar yang diperbuat daripada permata yang sangat putih lantas digantung pada “*Syajarah al-Yaqīn*”.

Selanjutnya, beliau mengatakan bahawa kemahiran-kemahiran dan bakat-bakat setiap individu ketika di dunia adalah berdasarkan kepada aktiviti penilikan dan perpeluhuan si burung merak tadi. Contohnya, seseorang yang dapat melihat kepala *Nūr Muḥammad* akan menjadi khalifah dan sultan ketika di dunia.<sup>257</sup>

viii. **Haji Daud Bin Haji Omar (Syeikh Tarekat Ahmadiyah Bukit Abal)**

Haji Daud bin Haji Omar, syeikh Tarekat Ahmadiyah Bukit Abal, Pasir Puteh, Kelantan, pula menyamakan istilah *Nūr Muḥammad* dengan *rūh Muḥammad*. Dalam bukunya, *Risalah Tasawuf* siri ke VIII, beliau berkata, kejadian Nabi Muhammad pada martabat ‘ālam arwāh baru disebut dan dikenali

---

<sup>256</sup> Sila rujuk lampiran C.

<sup>257</sup> Sila rujuk lampiran E.

dengan *Nūr Muḥammad*, *rūh Muḥammad* dan *a'yān khārijīyyah*, iaitu benda-benda yang keluar daripada sarangnya<sup>258</sup>.

#### ix. Muhyiddin Hj. Ghazali Bin Hj. Abdullah<sup>259</sup>

Pandangan beliau terhadap doktrin *Nūr Muḥammad* adalah sama seperti gurunya, iaitu Syeikh Tarekat Ahmadiyah Bukit Abal, Hj. Daud bin Hj. Omar dengan mengatakan bahawa asal segala kejadian di alam ini adalah *Nūr Muḥammad* yang dijadikan daripada *Nūr al-Dhat*.

Roh Nabi S.A.W. yang menjadi punca bagi segala roh dinamakan “penyataan yang paling sempurna”, penyudah sekalian nabi, penghulu sekalian rasul dan pemberi rahmat sekalian alam. Baginda juga adalah kenyataan yang sempurna bagi nama-nama Allah dan sifat-sifatNya.<sup>260</sup>

#### x. Haji Ahmad Laksamana Bin Omar<sup>261</sup>

Walaupun ajaran Ilmu *Tajallī* oleh beliau telah diklasifikasikan sebagai sesat, penulis turut menyatakan pendapat beliau sebagai suatu perbandingan dan penelitian. Di dalam kitab karangan beliau, *Hakikat Insan* beliau menyatakan :

<sup>258</sup> Haji Daud bin Omar, *op. cit.*, h. 5.

<sup>259</sup> Beliau adalah murid kepada Haji Daud bin Haji Omar.

<sup>260</sup> Muhyuddin Muhammad Ghazali bin Hj. Abdullah (1979), *op.cit.*, h. 30-31.

<sup>261</sup> Pengasas ajaran kebatinan iaitu *Ilmu Tajallī* di sekitar Kota Bharu, Kelantan pada awal tahun 80-an. Namun pada 1985, ajaran ini disahkan telah menyeleweng daripada Islam dan mahkamah menjatuhkan hukuman penjara ke atas beliau manakala buku beliau, *Hakikat Insan* telah diharamkan.

“Pada alam ghayb al-ghayb iaitu dalam keadaan entah-berentah pada zat semata-mata iaitu pada belum awal, belum akhir, belum ada bulan, belum ada matahari, belum ada bintang, belum ada sesuatu, malahan belum ada Tuhan yang bernama Allah. Maka dalam keadaan ini, diri empunya zat tersebut telah mentajallikan diri-Nya untuk memuji diri-Nya. Lantas ditajallilah *Nur* Allah. Dan kemudiannya ditajalli-Nya pula *Nur Muhammad* (*Insān Kāmil*) pada peringkat ini dikatakan martabat “engkau aku, aku engkau”. Maka dalam keadaan ini empunya zat telahpun bertanya kepada *Nur Muhammad* dan sekalian roh untuk menentukan kedudukan dan taraf ketuhanan dan taraf hamba”.<sup>262</sup>

### 3.4.3. Pandangan Ulama Yang Menentang.

Di dalam keghairahan para ulama šūfi membentangkan doktrin *Nur Muhammad* dengan hujah dan hadith-hadith yang berbagai riwayat, tidak kurang juga kalangan ulama yang menentang seterusnya menolak fahaman ini kerana pada pertimbangan ilmu dan metodologi pengajian mereka amat bertentangan sekali. Metodologi mereka amat mudah dan senang sekali iaitu mana-mana ajaran yang bertentangan dengan nas-nas yang terang, maka ia perlu ditolak walaupun ajaran itu dibawa oleh mana-mana tokoh sekalipun. Ini bertepatan dengan hadith Nabi S.A.W. yang berbunyi<sup>263</sup> :

ئَرَكْتُ لِيْكُمْ أَمْرِيْنِ لَنْ تَضُلُّوْ مَا تَمَسَّكُمْ بِهِمَا كِتَابُ اللَّهِ وَسَيْرَةُ نَبِيِّهِ

Maksudnya :

“Aku tinggalkan kepada kamu dua perkara, selama mana kamu berpegang kepada keduanya, kamu tidak akan sesat selama-lamanya; iaitu kitab Allah dan Sunnah Rasul-Nya”.

<sup>262</sup> Ahmad Laksamana (1985), *Hakikat Insan*, T.TP., h. 8.

<sup>263</sup> Mālik bin Anas (1999) *al-Muwatta'*, Kitāb al-Qadr, Bāb al-Nahy ‘An al-Qawl Bi al-Qadr, no. hadith 1. Beirut: al-Yamāmah, h. 798.

## i. Al-Ghazālī (450H-505H / 1058M-1113M)

Al-Ghazālī berpendapat, pencapaian tawhīd yang tertinggi ialah makrifat kepada Allah S.W.T. Makrifat ini boleh diperolehi sejak di dunia lagi iaitu menerusi *Nūr* yang dicampakkan oleh Allah di dalam hati dan diilhamkan kepada para nabi dan wali-Nya. Untuk memperolehi tawhīd ini, al-Ghazālī memberi tumpuan kepada persoalan hati dan jiwa. Apabila hati berjaya dibersihkan daripada segala kekotoran hawa nafsu, maka ia akan memantulkan segala rupa yang ada di dalam cermin yang berhadapan dengannya.<sup>264</sup>

Oleh kerana perjalanan menuju kepada makrifat itu adalah perjalanan yang sangat jauh, maka seorang *sālik* (orang yang berjalan) akan menempuh pelbagai tingkatan (*maqāmāt*) dan keadaan batin (*aḥwāl*). *Maqāmāt* itu adalah taubat, sabar, syukur, harap, takut, zuhud, tawakkal, cinta, rindu, intim dan redha.<sup>265</sup>

Menurut Prof. Madya Dr Hamdan Hassan, al-Ghazālī ada membincangkan sesuatu yang mempunyai maksud yang sama dengan doktrin *Nūr Muḥammad* atau *Haqīqah Muḥammadiyah*. Perkara tersebut ialah konsep *al-Muṭā'* atau “orang yang patuh” iaitu mungkin sebagai reaksi beliau kepada idea *Nūr Muḥammad* yang dikemukakan oleh al-Ḥallāj.<sup>266</sup>

<sup>264</sup> Al-Ghazālī (t.t), *Ihya' Ulum al-Dīn*, jil. 3, Kaherah: Dār al-Kutub al-'Ilmiyyah, h. 18.

<sup>265</sup> *Ibid*, h. 14 dan j. 4, h. 302 dan 304.

<sup>266</sup> Hamdan Hassan (1992), *op. cit*, h. 191.

Ayat yang dianggap ada hubungan dengan perkataan *al-muqā‘* itu ialah perkataan *aṭīqū* (أطِيعُو) yang terdapat di dalam firman Allah yang berbunyi :

قُلْ أَطِيعُوا اللَّهَ وَالرَّسُولَ فَإِن تَوَلُّوْ فَإِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْكَافِرِينَ

Maksudnya :

“Katakanlah (wahai Muhammad) Taatlah kamu akan Allah dan RasulNya. Oleh itu jika kamu berpaling (menderhaka), maka sesungguhnya Allah tidak suka kepada orang-orang yang kafir”.

Surah *Āl-’Imrān*(3) : 32.

Pelbagai andaian telah dibuat untuk mengulas doktrin ini, golongan šūfi mengandaikan *al-muqā‘* ini ialah *Qutb* atau penghulu ahli šūfi. Namun menurut R.A. Nicholson, andaian ini tidak tepat kerana al-Ghazālī sendiri menolak doktrin “*Imām* yang tersembunyi” daripada fahaman Syī‘ah aliran Ismā‘īliyyah yang dianggap oleh sesetengah pengkaji sebagai sumber kepada doktrin *Qutb* itu.<sup>267</sup>

Justeru, teori *al-muqā‘* oleh al-Ghazālī ini tidak popular dan jarang diperkatakan oleh para ulama. Mungkin disebabkan maksud daripada konsep ini lebih merupakan satu tanggapan dan spekulasi sahaja.<sup>268</sup>

<sup>267</sup> R.A. Nicholson (1964), *The Idea of Personality in Sufism*, Sh. Muhammad Ashraf, Kashmiri Bazar, Lahore, h. 193.

<sup>268</sup> Hamdan Hassan (1992), *op. cit.*, h. 193.

## ii. Ibn Kathir<sup>269</sup>

Di dalam kitabnya, *Bidāyah al-Khalq*, beliau telah mengemukakan pandangan para ulama terhadap persoalan makhluk pertama yang diciptakan oleh Allah. Antaranya ialah kesepakatan ahli kalam bahawa langit dan bumi adalah ciptaan Allah yang pertama. Kemudian dibicarakan pula sanggahan oleh Ibn Jarīr, Ibn al-Jawzī dan lain-lain yang mengatakan bahawa ciptaan Allah yang pertama ialah *al-qalam*. Di samping itu, beliau membawa pula pendapat *jumhūr 'ulama'* bahawa arasy dijadikan terlebih dahulu sebelum *al-qalam*.

Begitulah pandangan-pandangan yang dibawa oleh Ibn Kathir dalam konteks makhluk pertama. Beliau tidak pula membincangkan persoalan *Nūr Muḥammad* dan perkara-perkara yang berhubung dengan doktrin tersebut. Sekiranya persoalan *Nūr Muḥammad* wujud dan ketara di zaman beliau, pastilah doktrin tersebut tidak ditinggalkan oleh beliau tanpa sebarang ulasan dan huraihan.

## iii. Ibn Ḥajar Al-‘Asqalānī

Hadith-hadith Rasulullah S.A.W. yang berkaitan dengan penciptaan makhluk pertama telah dibincangkan oleh Ibn Ḥajar di dalam kitabnya *Faṭḥ al-Bārī bi Syarḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* pada bahagian *Kitab Permulaan Kejadian*. Walau bagaimanapun tidak terdapat sebarang hadith berkaitan *Nūr Muḥammad* sebagai makhluk pertama yang diperbincangkan. Hanya wujud percanggahan pendapat

<sup>269</sup> Beliau dilahirkan di Basrah dalam tahun 700H dan meninggal pada tahun 774H.

para ulama ketika itu tentang *al-qalam* ataupun *al-'arasy* sebagai kejadian pertama.<sup>270</sup>

iv. Syeikh Ahmad Sirhindi.<sup>271</sup>

Pada masa beliau, fahaman *Wahdah al-Wujūd* oleh Ibn 'Arabī telah tersebar di benua kecil India, namun dengan tegas, Syeikh Ahmad Sirhindi menolak fahaman ini berdasarkan pandangan dan pengalaman tasawufnya sebagaimana juga Ibn 'Arabī yang mendakwa mengambil fahaman itu berdasarkan pandangan dan pengalaman mistik beliau.

Mengenai tujuan penciptaan makhluk adalah untuk mengenal Allah, sebagaimana yang dibawa oleh sebilangan ahli sufi, telah ditentang oleh beliau. Menurut beliau, kejadian makhluk adalah untuk beribadah kepada Allah dan bukannya untuk dikenal *khāliq* (pencipta).

Firman Allah:

وَمَا خَلَقْتُ الْجِنَّ وَالْإِنْسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ  


<sup>270</sup> Ibn Hajar (1986), *op.cit.*, j. 6, h. 331.

<sup>271</sup> Beliau dikenali dengan gelaran *al-Mujaddid al-Thāni*, berketurunan sayyidina 'Umar dan dilahirkan di Sirhind, India pada tahun 971H. Beliau merupakan seorang sufi Tarekat Naqsyabandiyah.

Maksudnya :

“Dan tidaklah Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepada-Ku.”

Surah *al-Dhāriyāt*(51): 56.

Sekiranya dikatakan makhluk dicipta adalah untuk dikenal pencipta, maka ia menunjukkan kelemahan pencipta tersebut yang masih bergantung dan berharap kepada makhluk-Nya supaya diri-Nya dapat dikenal. Maha suci Allah daripada yang demikian.<sup>272</sup>

v. Dr. Yūsuf Al-Qardāwī

Pendirian ulama yang disegani di dunia Islam ini terhadap doktrin *Nūr Muhammad* yang dijadikan oleh Allah daripada segenggam cahaya sebagaimana bacaan-bacaan syair mawlid adalah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh beliau di dalam kitabnya *Fatāwa Mu'āṣarah*.

Menurut beliau, tidak *thābit* satu dalil pun mengenai Rasulullah merupakan makhluk Allah yang pertama sekali, sekalipun telah *thābit* mengenai keistimewaan dan kedudukan baginda di sisi Allah. Ketika Allah memuji rasul-Nya di dalam al-Qur'an, dipuji dengan satu kedudukan istimewa yang hakiki.

FirmanNya :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

<sup>272</sup> Burhan Ahmad Faruqi (1985), *Konsep Tauhid Syeikh Ahmad Sirhindi*, Pustaka Ilmu Raya, h. 35-36.

Maksudnya :

“Dan tidaklah Aku jadikan jin dan manusia melainkan supaya mereka beribadat kepada-Ku.”

Surah *al-Dhāriyāt*(51): 56.

Sekiranya dikatakan makhluk dicipta adalah untuk dikenal pencipta, maka ia menunjukkan kelemahan pencipta tersebut yang masih bergantung dan berharap kepada makhluk-Nya supaya diri-Nya dapat dikenal. Maha suci Allah daripada yang demikian.<sup>272</sup>

v. Dr. Yūsuf Al-Qardāwī

Pendirian ulama yang disegani di dunia Islam ini terhadap doktrin *Nur Muhammad* yang dijadikan oleh Allah daripada segenggam cahaya sebagaimana bacaan-bacaan syair mawlid adalah sebagaimana yang telah dinyatakan oleh beliau di dalam kitabnya *Fatāwa Mu'āşarah*.

Menurut beliau, tidak *thābit* satu dalil pun mengenai Rasulullah merupakan makhluk Allah yang pertama sekali, sekalipun telah *thābit* mengenai keistimewaan dan kedudukan baginda di sisi Allah. Ketika Allah memuji rasul-Nya di dalam al-Qur'an, dipuji dengan satu kedudukan istimewa yang hakiki.

FirmanNya :

وَإِنَّكَ لَعَلَىٰ خُلُقٍ عَظِيمٍ

<sup>272</sup> Burhan Ahmad Faruqi (1985), *Konsep Tauhid Syeikh Ahmad Sirhindi*, Pustaka Ilmu Raya, h. 35-36.

Maksudnya :

“Sesungguhnya kamu benar-benar berbudi pekerti yang agung”.

Surah *al-Qalam* (30): 4.

Sebaliknya apa yang *thābit* secara *mutawātil* ialah Nabi kita S.A.W. adalah Muhammad bin ‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muṭṭalib al-Ḥāsyimī al-Quraysyī. Dilahirkan daripada kedua ibu bapanya iaitu ‘Abd Allāh dan Aminah di Mekah dalam Tahun Gajah. Baginda dilahirkan dan membesar sebagaimana manusia lain dilahirkan dan dibesarkan.<sup>273</sup>

vi. Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor

Prof. Madya Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor adalah di antara sarjana Islam yang memberikan komentar yang jelas mengkritik fahaman *Nūr Muḥammad* yang menjadi pegangan setengah-setengah golongan ahli šūfi dan pengamal tarekat.

Beliau menyatakan, bahawa golongan Syi‘ah dan šūfi adalah dua pendokong utama fahaman ini. Dua kumpulan ini masing-masing mempertahankannya bagi mengukuhkan akidah dan kepercayaan mereka. Golongan Syi‘ah menggunakan doktrin ini untuk membenarkan akidah mereka terhadap doktrin *al-Imāmah* (kepemimpinan), manakala golongan šūfi pula menggunakan untuk meluluskan doktrin *al-Wilāyah* (kewalian) yang pada

---

<sup>273</sup> Yusuf al-Qardāwī (1990), *Fatāwī Mu‘āṣarah*, cet. 5, Kuwait: Dār al-Qalam, h. 178.

pandangan beliau, mempunyai persamaan dengan doktrin *al-Imāmah* dalam mazhab Syī'ah.

Selanjutnya beliau menjelaskan, bagi ahl al-Sunnah wa al-Jamā'ah kepercayaan ini adalah khurafat, dan tidak bersandar kepada mana-mana dalil yang layak menjadi sumber hukum. Sebaliknya sesetengah kaum ṣūfī yang keterlaluan mendakwa ilmu mereka adalah diperolehi melalui *kasyf*. Kadang kala mereka mendakwa hadith itu diambil sendiri daripada Allah tanpa perantaraan Jibril a.s. iaitu secara *kasyf* dan sembunyi.<sup>274</sup>

### 3.5. Kesimpulan.

Daripada penjelasan sepanjang bab ini, sejumlah besar karya-karya ulama terdahulu yang menjadi teks dan rujukan tradisi pengajian pondok di negeri Kelantan telah diperbincangkan, khususnya yang berkaitan dengan doktrin *Nūr Muhammad*. Penelitian dan perhatian amat perlu diberikan terhadap kedudukan hadith-hadith yang dijadikan hujah dan sandaran di dalam kitab-kitab berkenaan. Kebanyakan hadith yang dijadikan hujah oleh pendokong doktrin ini adalah diragukan tentang kesahihannya.

Begitu juga dengan pandangan para ulama sepanjang zaman berkaitan doktrin ini. Terdapat percanggahan pendapat di kalangan para ulama dan sarjana Islam yang menjadikan doktrin ini terus menjadi persoalan adakah ianya sesuatu

<sup>274</sup> "Berzanji Tidak Berfungsi Perkuuhkan Iman" *Berita Minggu*, 10 November 1996, h. 18.

yang benar atau hanya satu teori dari golongan-golongan tertentu yang mempunyai maksud tersembunyi dan tidak disedari oleh kebanyakan manusia. Sekiranya doktrin ini benar-benar penting, ianya mestilah bersandarkan kepada dalil-dalil yang kuat dan meyakinkan. Di samping itu para ulama juga tidak akan berselisih pendapat samada untuk menerima atau menolak doktrin ini. Oleh yang demikian penulis berpendapat bahawa doktrin *Nūr Muḥammad* ini adalah suatu perkara yang tidak benar dan khayalan semata-mata.